

Pas diminta ubah slogan

BH- 2/6/2007

Perwakilan dakwa ahli tidak faham konsep 'Kepimpinan Bersama Ulama'

KOTA BHARU: Pas diminta menghentikan penggunaan slogan 'Kepimpinan Bersama Ulama' kerana dianggap menyukarkan parti itu melahirkan kepemimpinan dinamik pada semua peringkat.


Perwakilan Pas Pahang, Hamzah Jaafar, berkata kebanyakan ahli parti tidak memahami konsep yang dibawa Pas itu, yang dilihat menyekat peluang golongan bukan berpendidikan agama walaupun berpotensi diketengahkan.

"Kebanyakan ahli Pas tidak faham konsep itu. Sekali pandang, ia seolah-olah menyukarkan Pas melahirkan kepemimpinan dinamik.

"Kerana konsep itu, ahli Pas takut atau rasa bersalah untuk melantik pemimpin bukan ulama pada peringkat kawasan, cawangan dan negeri sebagai pemimpin sedangkan ada di kalangan mereka berkemampuan, pandangan serta layak menerajui parti.

"Alangkah baik kalau ada negeri mempunyai pemimpin dari golongan bukan ulama, tetapi kepemimpinan ulama tetap mengungguli parti kerana kita masih mempunyai Majlis Syura dan Dewan Ulama.

"Kita mencadangkan kepada Pas Pusat mengemukakan slogan baru. Konsep kepemimpinan Islam itu lebih atas daripada kepemimpinan ulama," katanya ketika membahaskan Ucapan Dasar Presiden pada



KEMUKA HUJAH: Perwakilan sedang khusyuk mendengar perbahasan pada hari ke 2 Muktamar Tahunan Pas ke-53, di Pusat Tarbiyah Islamiah Kelantan, Pengkalan Chepa, semalam.

Muktamar Pas ke-53, di sini, semalam.

Hamzah berkata, kepemimpinan Pas dicadangkan supaya lebih menonjolkan isi yang terkandung dalam hasrat parti itu menonjolkan penubuhan negara Islam dan bukan sekadar berhujah tanpa pengisian.

Katanya, ramai pemimpin parti kini sekadar menyampaikan ceramah yang hanya dihadiri ahli Pas, tanpa mengemukakan fakta serta janji yang boleh diterima baik rakyat semua peringkat.

“ Kita mencadangkan Pas buat slogan baru. Konsep kepemimpinan Islam lebih atas daripada kepemimpinan ulama ”

Hamzah Jaafar
Perwakilan Pas Pahang

"Ramai di kalangan kita bila berceramah sekadar menonjolkan negara Islam tetapi isi negara Islam itu sendiri tidak ada. Sepatutnya kita perlu memberitahu apa yang akan dilakukan kalau memerintah," katanya.

Malah, beliau berhujah, Pas kini perlu mengambil tindakan proaktif menukar nama negara Islam kepada negara kebajikan sebagai agenda parti jika keadaan memerlukan Pas berbuat demikian untuk mendapatkan sokongan rakyat.